

Artikel

**Dari Bowrey ke Bowen: Evolusi Legasi Linguistik Antropologi di Kepulauan Melayu**  
(*From Bowrey to Bowen: The Legacy Evolution of Linguistic Anthropology in the Malay Archipelago*)

Nor Azizah Othman\*

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [norazizaho@um.edu.my](mailto:norazizaho@um.edu.my)

Diserah: 15 Disember 2024

Diterima: 20 Februari 2025

**Abstrak:** Keperluan menguasai bahasa Melayu pada abad ke-17 tercetus atas pelbagai dorongan, terutamanya untuk melancarkan urusan perniagaan, perdagangan, pentadbiran dan penyebaran agama. Kepentingan bahasa Melayu pada zaman tersebut mendorong orang Eropah mengambil inisiatif menyusun pelbagai karya seperti daftar kata, buku perbualan, teks-teks agama, dan kamus untuk kegunaan rakan senegara. Thomas Bowrey (TB), seorang pedagang British yang belayar di Kepulauan Melayu pada abad ke-17, menyusun kamus Inggeris-Melayu pertama yang diterbitkan pada tahun 1701. Walau bagaimanapun, karya-karya Bowrey yang lain, yang juga mengandungi maklumat berharga mengenai bahasa dan bangsa Melayu, kurang mendapat perhatian. Justeru, makalah ini membincangkan sumbangan Bowrey terhadap bahasa dan bangsa Melayu pada abad ke-17 berdasarkan karya-karyanya yang kurang dikenali. Data kajian diambil dari sepuluh dialog yang terdapat pada bahagian akhir kamusnya dan dibandingkan dengan maklumat dalam manuskrip Mss Eur D782. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dan berpandukan pendekatan iklim idea (*climate of opinion*) untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi tercetusnya idea penyusunan karya-karya Bowrey. Hasil kajian menunjukkan bahawa usaha Bowrey menyusun pelbagai karya dipengaruhi oleh suasana perdagangan, dorongan dari pemerintah Inggeris, serta keadaan politik di Alam Melayu pada ketika itu. Makalah ini menegaskan kepentingan merujuk pelbagai sumber untuk memahami weltanschauung penyusun, terutamanya bagi karya-karya yang berkaitan dengan bahasa dan bangsa Melayu.

**Kata kunci:** Kamus; kajian sinkronis; linguistik antropologi; Thomas Bowrey; kamus bahasa Melayu

**Abstract:** The need to master the Malay language in the 17th century arose from various motivations, primarily to facilitate business, trade, administration, and religious propagation. The importance of Malay during this era prompted Europeans to take the initiative in compiling various works such as word lists, conversation books, religious texts, and dictionaries for the use of their countrymen. Thomas Bowrey (TB), a British merchant who sailed in the Malay Archipelago in the 17th century, compiled the first English-Malay dictionary published in 1701. However, Bowrey's other works, which also contain valuable information about the Malay language and people, have received less attention. This paper discusses Bowrey's contributions to the Malay language and people in the 17th century based on his lesser-known works. The research data is drawn from ten dialogues found at the end of his dictionary and compared with information in the manuscript Mss Eur D782. This qualitative study employs a content analysis approach guided by Koerner's climate of opinion framework to analyze the factors influencing the genesis of Bowrey's works. The findings indicate that Bowrey's efforts in compiling various works were influenced by the trading environment, encouragement from the English government, and the political conditions in the Malay world at that time. This paper

emphasizes the importance of referring to various sources to understand the weltanschauung of the compiler, especially for works related to the Malay language and people.

**Keywords:** Dictionary; synchronic study, linguistics anthropology; Thomas Bowrey; Seventeenth Century Malay Language

## Pengenalan

Bahasa Melayu pada abad ke-17 merakam banyak peristiwa penting dalam sejarah ketamadunannya. Seiring dengan perubahan yang berlaku di dunia ketika itu apabila zaman Renaissance sedang berada di kemuncaknya dalam abad ini. Collins (1996) menyebut "*Malay language appeared as a written language in the seventeenth century, but its origins are much older than the first Malay text carved in stone*". Dalam abad ke-17 ini, bahasa Melayu telah menjadi bahasa komunikasi pelbagai kelompok etnik. Kedatangan agama Islam di rantau ini turut menjadi faktor penyumbang kepada sifat dinamika bahasa Melayu yang kemudiannya menyerap dengan banyaknya unsur-unsur daripada bahasa Arab walaupun penyebaran agama ini mulai dengan pesatnya setelah kemasukan pedagang Eropah ke alam Melayu. Secara tidak langsung, penyebaran agama Islam ini telah menggalakkan tradisi tulis yang digunakan secara meluas di seluruh alam Melayu yang tidak hanya digunapakai dalam untuk tujuan menyebarkan agama dan berdagang tetapi tradisi tulis ini muncul sebagai tradisi keilmuan baru. Bahasa Melayu juga telah membuktikan statusnya sebagai salah satu bahasa terpenting dunia apabila menjadi lingua franca ketika alam Melayu berada di kemuncak kegemilangan sebagai penyedia pelabuhan entrepot yang menarik perhatian pedagang dari Asia dan Eropah untuk berdagang dan saling bertukar barangan. Penjajahan Eropah ke atas alam Melayu mewarnai lagi sifat dinamis bahasa Melayu.

Menurut Khairul Ghufuran. et al. (2024), sesebuah bangsa dapat didefinisikan sebagai sekumpulan manusia yang tinggal dalam satu wilayah atau kawasan yang sama dan mempunyai persamaan dari segi pengalaman sejarah, kesenian, adat resam dan bahasa. Manakala, bagi tujuan melihat perkembangan bahasa pula, bentuk bahasa dan suasana sosio-budaya masyarakat Melayu pada masa-masa tertentu perlu diteliti. Hal ini demikian kerana kedua-dua elemen bahasa dan sosio-budaya masyarakat menjadi antara bahan utama dan bahan paling asas yang boleh disemak serta dikaji. Elemen bahasa yang penting bagi meneliti perihal kebahasaan dalam jangka masa tertentu adalah kumpulan kosakata Melayu yang dihimpunkan menjadi daftar kata atau kamus serta naskah-naskah bertulis seperti surat-surat perdagangan dan hubungan diplomatik antara pemerintah kerajaan Melayu dengan pemerintah kuasa asing. Daftar kata dan kamus bahasa Melayu yang diusahakan oleh orang asing ini merakamkan banyak maklumat penting bangsa dan bahasa Melayu itu sendiri. Antara kamus terawal bahasa Melayu yang diusahakan oleh orang asing berbangsa Inggeris ialah Kamus Malayo-English, English-Malayo susunan Thomas Bowrey yang diterbitkan pada tahun 1701 di London. Kamus susunan Bowrey ini merupakan karyanya yang signifikan. Namun begitu, karya Bowrey yang lain seakan tenggelam sekalipun karya-karya tersebut mengandungi banyak maklumat mengenai bahasa dan bangsa Melayu pada abad ke-16.

Bowrey, seorang pedagang dan pelaut Inggeris lahir pada 1650 dan meninggal pada Mac 1713, merupakan orang Inggeris yang bekerja untuk Syarikat Hindia Timur dan aktif mengikuti ekspedisi ke Hindia Timur untuk mencari rempah ratus serta barang dagangan yang lain seperti cengkih, buah pala dan sebagainya. Bowrey mempunyai pengalaman 19 tahun belayar di sekitar pulau di Asia Tenggara dan India. Bermula sebagai seorang pedagang bebas pada asalnya, pada abad ke-17 dia menjadi pelaut kepada Syarikat Hindia Timur. Pada abad ke-18, dalam suasana politik ketika itu yang bermacam ragam, dia kemudiannya dilantik mewakili Syarikat Hindia Timur sebagai kapten yang mengetuai para pedagang yang akan belayar ke Lautan Hindia (Temple, 1903). Ketika belayar bersama Syarikat Hindia Timur, dia banyak memerhati dan mempelajari budaya di kawasan yang dilewatinya. Hasil daripada pemerhatian dan proses pembelajaran yang tersebut membolehkannya berinteraksi dengan masyarakat setempat. Interaksi yang wujud ini telah memberikan jalan kepada Bowrey untuk mempelajari bahasa Melayu dengan dialek yang berbeza pada ketika itu yang merupakan bahasa perantara dalam aktiviti perdagangan. Selama tempoh belayar dan berdagang di kepulauan Bengal dan Asia Tenggara yang lain terutama di negeri Melayu, Sumatra, Borneo, Bantam, Batavia

dan beberapa kawasan di Jawa telah menjadikan Bowrey seorang yang berpengaruh dan kaya sekembalinya beliau ke London pada 1688 (Mee, 1929). Bowrey bertolak pulang ke London dari Fort St. George sebagai penumpang kepada kapal Bengall Merchant I pada 20 Oktober 1688. Sepanjang pelayaran pulang ke London yang memakan masa lama telah mencetuskan satu idea besar kepada Bowrey. Bowrey yang pada ketika itu hanya menikmati masa terluang yang panjang tanpa terikat dengan sebarang komitmen di atas kapal telah mengambil peluang menulis kembali segala pengalaman dan pengetahuannya tentang budaya, selok-belok perdagangan terutama di kawasan yang pernah dilalui dan juga paling penting pengetahuan dan ingatan tentang bahasa Melayu yang menjadi Lingua Franca pada ketika itu (Temple, 1903).

Setelah tiba di London, Bowrey hidup dengan selesa dan merujuk kepada lesen perkahwinan yang dikeluarkan oleh Vicar General of The Archbishop of Canterbury bertarikh 14 September 1691, Bowrey yang ketika itu berusia 31 tahun telah berkahwin dengan Mary Gardiner (20 tahun). Mary merupakan sepupu kepada Bowrey dan perkahwinan mereka tidak dikurniakan dengan zuriat. Selepas berkahwin, tiada rekod yang sah menunjukkan beliau kembali semula ke laut. Bowrey meninggal pada 14 Mac 1713 dan dikuburkan di gereja yang sama ketika beliau berkahwin dengan isterinya 21 tahun yang lalu. Segala peninggalan Bowrey diwasiatkan sepenuhnya kepada isterinya, Mary Bowrey. Dalam wasiat Bowrey, beliau ada menyebut tentang beberapa manuskrip yang disimpan di dalam sebuah peti besi. Sebahagiannya dibenarkan untuk disalin oleh pihak syarikat dan kerajaan British. Fakta ini menunjukkan bahawa Kamus Melayu-Inggeris susunan Thomas Bowrey tidak hanya merupakan satu-satunya karya Bowrey. Dia sebenarnya menghasilkan beberapa karya lagi dan di antara karya tersebut terjual pada acara jualan lelong dengan harga yang tinggi iaitu £34,000 (Sue Paul, 2016). Karya Bowrey yang akan dijelaskan selepas ini juga akan menjadi bukti kepada ketokohan dan keupayaannya sebagai seorang pedagang Syarikat Hindia Timur yang berwibawa dan juga sebagai seorang penyusun kamus yang menjadi rujukan dan penanda aras kepada kamus Melayu-Inggeris yang muncul selepasnya.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk membincangkan sumbangan Bowrey terhadap bahasa dan bangsa Melayu pada abad ke - 17, bukan sahaja melalui kamusnya yang terkenal, tetapi juga melalui karya-karyanya yang lain. Kajian ini juga menyoroti peranan Bowrey sebagai pelopor awal dalam bidang antropologi linguistik, membandingkan pendekatannya dengan ahli antropologi kontemporari seperti John Bowen. Perbandingan ini dapat memperlihatkan kesinambungan dan perkaitan dalam pemahaman bahasa sebagai alat untuk memahami budaya, dari zaman Bowrey hingga ke era moden.

## Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas dilakukan oleh pengkaji terhadap kamus Bowrey misalnya kajian oleh Bialuschewski (2007), Kader (2009), Othman (2010 & 2024), Hasrah (2010), Winterbottom (2016) dan Mohamad & Ismail (2017). Pengkaji membincangkan sorotan literatur ini berpandukan kepada dua tema berasingan iaitu (i) kajian terhadap aspek kebahasaan yang terdapat dalam kamus susunan Bowrey, dan (ii) kajian terhadap sumbangan Bowrey sebagai pedagang.

Penelitian serta perbincangan mengenai aspek kebahasaan yang terdapat dalam kamus Inggeris-Melayu pertama susunan Bowrey ini telah menarik perhatian beberapa pengkaji iaitu Kader (2009), Othman (2010 & 2017), dan Mohamad & Ismail (2017). Kader pada tahun 2009 memfokuskan kepada tiga aspek utama dalam kamus Bowrey iaitu morfologi, sintaksis dan sosiolinguistik. Ketiga-tiga aspek ini dilihat secara menyeluruh dalam Kamus Bowrey dan disertakan dengan contoh-contoh yang difikirkan relevan untuk diketengahkan. Dalam artikelnya yang berjudul "*Some Aspects of Seventeenth Century Malay via Thomas Bowrey's Bilingual Dictionary Published 1701*" ini memberikan tumpuan kepada aspek morfologi dan sintaksis dengan membuat perbandingan menggunakan kerangka teori transformasi generatif. Namun begitu, tumpuan Marshudi pada kamus Bowrey didapati lebih terarah kepada kajian morfologi dan sintaksis. Dalam kajian ini, Mashudi menggunakan teori perbandingan diakronik oleh de Saussure (1970) untuk membandingkan aspek imbuhan /me-/ dan /ber-/ yang terdapat dalam Kamus Bowrey dengan dibandingkan dengan beberapa data daripada kamus seperti Kamus Figafetta (1523), kamus De Houtman (1598/1603), kamus Vocabulaer (1599), Asmah Haji Omar (1991), dan Tatabahasa Dewan (1986, 1993, 2008). Manakala Nor Azizah (2010) dalam tesisnya yang bertajuk "Perubahan aspek leksikal antara kamus Thomas Bowrey

1701 dengan kamus Dewan edisi keempat” membicarakan aspek perubahan makna dalam tiga abad dengan melakukan penelitian terhadap dua kamus, yaitu kamus Bowrey (1701) dengan kamus Dewan (2005). Dalam kajian tersebut, sebanyak 219 kata daripada Kamus Bowrey diteliti iaitu dari entri DA-DU, EA-ET hingga entri FA-FO. Kosa kata dalam Kamus Bowrey kemudiannya dibandingkan dengan kosa kata daripada Kamus Dewan dengan menggunakan kaedah analysis komponen makna. Kajian tersebut mendapati mendapati bahawa kosa kata pada abad ke-17 telah mengalami peluasan dan penyempitan kata dengan 31 kata mengalami peluasan makna, dan 13 kata mengalami penyempitan makna. Antara kata yang disenaraikan telah meluas maknanya ialah ‘daging’, ‘datang’, dan ‘fajar’, manakala kata yang disempitkan maknanya ialah seperti kata ‘dayang’, ‘dampar’, dan ‘elok’. Secara keseluruhannya, kajian ini menumpukan aspek makna kata yang mengalami perubahan sama ada meluas atau menyempit dalam perkembangan dunia masa kini.

Bagi kajian yang meneliti sumbangan serta peranan Bowrey sebagai pedagang di Timur, pengkaji meneliti dua kajian. Pertama, penelitian oleh Bialuschewski (2007) dalam artikelnya berjudul *Thomas Bowrey's Madagascar Manuscripts of 1708* membicarakan mengenai manuskrip susunan Bowrey yang membicarakan mengenai aktiviti perlanunan di Madagaskar pada abad ke-17 dan abad ke-18. Manuskrip yang dimaksudkan Arne bertajuk “*Island of y<sup>e</sup> East Side of y<sup>e</sup> Cape of Good Hope: Places of Trade on Madagascar*”. Aktiviti perlanunan ini dibincangkan berdasarkan isi kandungan manuskrip susunan Bowrey ini. Dalam artikel Bialuschewski ini, turut disentuh adalah mengenai penemuan manuskrip milik Bowrey yang tersimpan di Worcestershire iaitu sebuah bandar yang terletak di Barat England pada tahun 1913. Selain menyentuh mengenai manuskrip milik Bowrey, Bialuschewski dengan ringkas turut menjelaskan mengenai latar belakang Bowrey. Penjelasan Bialuschewski ini dikaitkan lagi dengan manuskrip Bowrey tentang Madagaskar.

Selain Bialuschewski, Winterbottom (2016) juga pernah menjalankan penelitian ke atas salah sebuah karya Bowrey iaitu kamusnya. Anna membicarakan mengenai kamus Bowrey ini dalam bab yang bertajuk *Linguistics Landscapes: Early Studies of Malay and EIC Maritime Southeast Asia*. Bab ini merupakan sebahagian daripada perbincangan yang terkandung dalam buku Anna yang bertajuk *Hybrid Knowledge in the Early India Company World* (2016). Winterbottom menyentuh mengenai peranan EIC (SHTI) dalam usaha memberikan galakkan kepada para pekerjanya untuk menghasilkan karya-karya dari bahasa oriental seperti bahasa Melayu. Pihak syarikat, menurut Winterbottom, menggalakkan para pekerjanya yang terlibat dengan urusan di rantau ini untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu, dan usaha awal oleh sarjana Inggeris yang bersaing dengan kuasa Eropah lain untuk menghasilkan naskah-naskah dalam bahasa Melayu dan bahasa-bahasa yang terdapat di rantau Asia yang lain. Usaha yang dibuat oleh Inggeris pada abad ke-17 merupakan rentetan daripada persaingan dan tekanan yang diterima daripada Belanda. Winterbottom dalam bab ini membicarakan dengan mendalam mengenai interaksi yang berlaku antara pengembara Eropah dengan penutur bahasa Melayu dan juga bagaimana linguistik bahasa Inggeris berfungsi dalam menyampaikan bahasa Melayu kepada orang Inggeris yang datan ke rantau ini. Bagi menjelaskan persoalan ini, Winterbottom menjadikan kamus susunan Thomas Bowrey (1701) sebagai sumber data utama yang mewakili bahasa Melayu dari abad ke-17.

Othman pada tahun 2024 turut membicarakan mengenai aspek kebahasaan dalam kamus Bowrey di samping memperluaskan cakupan penelitian dengan meneliti dengan situasi sosio-budaya masyarakat Melayu pada abad ke-17. Othman (2024) telah meneliti pelbagai aspek kamus Bowrey, termasuk perubahan leksikal, sintaksis, dan aspek sosiolinguistik. Kajian ini juga meneliti karya-karya Bowrey yang tidak diterbitkan, termasuk nota-nota yang diambil semasa beliau berada di Asia Tenggara dan yang disediakan semasa perjalanan pulang ke England. Pendekatan ini membolehkan Othman (2024) memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang proses penyusunan kamus dan konteks sosiobudaya yang mempengaruhinya.


Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas di atas, dapat disimpulkan bahawa Bowrey tidak hanya menghasilkan satu sahaja karya yang sinonim dengan namanya iaitu kamus Melayu - Inggeris (1701) tetapi juga telah menghasilkan beberapa karya lain yang mempunyai kesan besar kepada bahasa dan bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, karya-karya ini seakan tidak menonjol dan jarang sekali diperkatakan terutama oleh sarjana dari rantau Asia Tenggara amnya dan Malaysida khususnya. Karya-karya merupakan bukti nyata bahawa Bowrey tidak hanya berpengalaman sebagai pedagang Inggeris, tetapi beliau secara tidak langsung merupakan

“ahli linguistik antropoogis” yang membinca jambatan pengetahuan bahasa, budaya dan masyarakat Melayu abad ke - 17. Justeru, dalam makalah ini, pengkaji juga akan mengengahkan beberapa karya Bowrey yang lain dan menjelaskan dengan ringkas faktor pendorong yang menurut penulis menerima pengaruh daripada iklim idea pada ketika itu.

## Metodologi

Pendekatan sinkronis merupakan kaedah utama dalam analisis ini. Sumber data sezaman diteliti bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Data dianalisis menggunakan kaedah kualitatif analisis kandungan. Sumber data utama bagi kajian ini adalah manuskrip Mss Eur D782 dan juga dialog-dialog yang terdapat pada bahagian lampiran kamus Bowrey. Kajian kepustakaan digunakan dalam mengenalpasti sumber-sumber serta bahan berkaitan yang berkaitan dengan karya-karya yang dihasilkan Bowrey. Manuskrip ini merupakan catatan yang merakamkan karya-karya dan hasil kerja Bowrey. Manuskrip ini berjudul “*Thomas Bowrey Papaers (c 1669 – 1679)*”. Manuskrip berkenaan kemudian disusun dan diterbitkan semula dengan judul “*A Geographical Account of Countries Round the Bay of Bengal, 1669 to 1679*”. Hasil dari penelitian dan analisis terhadap manuskrip ini, pengkaji kemudian membuat rujuk silang dengan karya Bowrey yang lain seperti manuskrip Mss Eur A33 dengan judul asal “*Correspondance and Papers of Captain*” sebelum disusun dan dikemaskini yang kemudiannya menjadi kamus yang terbit tahun 1701.

Maklumat mengenai karya-karya lain seperti kamus bahasa Inggeris – bahasa Melayu pertama yang disusun Bowrey turut diteliti. Sepuluh dialog yang terdapat dalam kamus Bowrey dijadikan sebagai salah sumber data perbandingan utama kajian ini. Antara kandungan dilalog yang diteliti adalah berkenaan dengan konflik perbualan antara dua sahabat yang dicatatkan Bowrey dalam kamusnya pada bahagian sisipan dialog. Situasi konflik yang dicatatkan Bowrey dalam kamusnya mengandungi maklumat sosio-budaya yang penting apabila watak yang terdapat dalam dialog tersebut terdiri dua orang Inggeris yang berbicara soal sahabat mereka yang membunuh diri. Bowrey mengambil pedoman daripada naskah sastera yang sering memuatkan elemen konflik sebagaimana yang dinyatakan oleh Nur Nabilah & Muhd Norizam (2024) bahawa elemen konflik merupakan salah satu jalan cerita dan medium menyampaikan inti pati kisah yang ingin disampaikan. Tangkap layar bagi contoh dialog ini adalah seperti dalam Gambar 1 di bawah ini. Hasil penelitian terhadap dua manuskrip ini kemudiannya dibandingkan dengan maklumat yang terdapat dalam sepuluh dialog tersebut. Maklumat dalam dialog ini diteliti bertujuan untuk mendapatkan gambaran suasana iklim idea yang mempengaruhi Bowrey dalam menghasilkan karya-karyanya. Analisis ini kemudiannya dibandingkan dengan pandangan moden tentang peranan ahli antropologi seperti yang dikemukakan oleh David Bowen.



Gambar 1. Contoh elemen konflik dalam dialog pertama kamus Bowrey  
Sumber: Kamus Thomas Bowrey (1701)

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perbincangan pada bahagian ini memaparkan dapat kajian termasuk contoh-contoh yang terdapat dalam kamus Bowrey serta pandangan dari David Bowen bagi menyokong idea wacana dalam artikel ini. Perbincangan dibahagikan kepada beberapa topik.

### 1. Thomas Bowrey sebagai Perintis “Ahli Linguistik-Antropologi”

Thomas Bowrey lahir pada 1659 dan meninggal pada Mac 1713, merupakan orang Inggeris yang bekerja untuk Syarikat Hindia Timur dan aktif mengikuti ekspedisi ke Hindia Timur untuk mencari rempah ratus serta barang dagangan yang lain seperti cengkih, buah pala dan sebagainya. Bowrey mempunyai pengalaman 19 tahun belayar di sekitar pulau di Asia Tenggara dan India. Bermula sebagai seorang pedagang bebas pada asalnya, pada abad ke-17 dia menjadi pelaut kepada Syarikat Hindia Timur. Pada abad ke-18, dalam suasana politik ketika itu yang bermacam ragam, dia kemudiannya dilantik mewakili Syarikat Hindia Timur sebagai kapten yang mengetuai para pedagang yang akan belayar ke Lautan Hindia (Temple, 1903). Ketika belayar bersama Syarikat Hindia Timur, Bowrey banyak memerhati dan mempelajari budaya di kawasan yang dilewatinya. Hasil daripada pemerhatian dan proses pembelajaran tersebut membolehkannya berinteraksi dengan masyarakat setempat. Interaksi yang wujud ini telah memberikan jalan kepada Bowrey untuk mempelajari bahasa Melayu dengan dialek yang berbeza pada ketika itu yang juga merupakan bahasa perantara dalam aktiviti perdagangan. Selama tempoh belayar dan berdagang di kepulauan Bengal dan Asia Tenggara yang lain terutama di negeri Semenanjung Tanah Melayu, Sumatra, Borneo, Bantam, Batavia dan beberapa kawasan di Jawa, telah menjadikan Bowrey seorang yang berpengaruh dan kaya sekembalinya dia ke London pada 1688 (Mee, 1929). Kelebihan berbahasa dan kebolehan serta kemahiran dalam ilmu kelautan dan perdagangan telah menjadikan Bowrey sebagai calon yang sesuai untuk dilantik mejandi salah seorang kapten kapal Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI). Setelah kembali ke London, Bowrey memulakan hidup dengan isterinya dan tidak lagi kembali ke laut selepas itu sehinggalah menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Kemahiran Bowrey dalam pelayaran berkemungkinan kerana latar keluarganya yang berkhidmat dengan Tentera Laut di Raja. Antara ahli keluarganya yang berkhidmat dalam pasukan tentera antaranya John Bowrey, Thomas Bowrey dan Joseph Bowrey (Temple, 1903). Kemahiran dalam ilmu pelayaran ini telah membuka jalan kepada Bowrey sehingga menjadi orang Inggeris pertama menyusun kamus bahasa Inggeris - bahasa Melayu pertama dalam perdagangan Inggeris malah juga penting kepada perkembangan bahasa Melayu. Bowrey yang datang ke Kepulauan Melayu pada asalnya sebagai pedagang swasta (privatir) dan kemudian sebagai petugas kepada SHTI telah melakukan suatu usaha yang berterusan yang mejangkau pelbagai lapangan. Usaha yang dilakukan Bowrey ini terbit daripada rasa tanggungjawab dan ditambah lagi dengan kelapangan waktu yang dimilikinya ketika mengharung perjalanan pulang ke London yang panjang.

Bowrey juga menulis sebuah manuskrip bertajuk “*The Case of the Owners and Freighters of the Ship Worcester*” pada tahun 1705. Manuskrip ini tidak mempunyai perincian biografi tetapi lebih berupa pernyataan dan maklumbalas Bowrey terhadap penyitaan yang berlaku di Worcester. Selain manuskrip ini, terdapat satu lagi manuskrip penting yang juga ditemukan di dalam peti besi di sebuah rumah besar di barat England, milik Bowrey. Manuskrip tersebut bertajuk “*Discription of the Coast of Africa from the Cape of Good Hope to the Red Sea (1708)*”. Walau bagaimanapun, hanya serpihan manuskrip ini sahaja yang bertahan. Kebanyakan bahagian dalam manuskrip ini mengandungi mukasurat yang diubah, dipangkah-silang dan mukasurat kosong. Teks pada manuskrip ini mengandungi kata pendahuluan dengan pelbagai versi, maklumat ringkas tentang Dutch Cape Colony dan Delagoa Bay di Mosambique serta sebahagian draf dengan tajuk “*Islands of y<sup>e</sup> Coast of Africa on y<sup>e</sup> East Side of y<sup>e</sup> Cape of Good Hope: Places of Trade on Madagascar*”. Bahagian ini ditulis dengan tulisan sukar dibaca dengan jumlah enam puluh mukasurat ini memberikan maklumat tentang Assada, Old Masselege, Manangara, New Masselege, Terra Delgada, Morondova, Crab Island, St. Vincent, St. Iago, Tulear, St. Augustin Bay, St. John’s, Port Dauphin, Matatana, Bonavola, St. Mary’s Island dan Teluk Antongil. Selain maklumat yang tersebut, dokumen ini turut memuatkan penerangan tentang Mauritius dan Bourbon yang sekarang ini dikenali sebagai La Réunion. Kebanyakan tempat ini pernah



dilewati oleh pelaut-pelaut dari Inggeris, Belanda dan Perancis pada akhir abad ke-17 (Arne Bialuschewski, 2007).

Walau bagaimanapun, Bowrey tidak berkesempatan untuk menerbitkan sebuah lagi buku pengembaraannya yang bertajuk "*A Geographical Account of the Countries Round the Bay of Bengal, 1669 to 1679*". Naskah ini kemudiannya disunting oleh Sir Richard Carnac Temple dan diterbitkan pada tahun 1903. Naskah ini memberikan maklumat tentang pelayaran Bowrey sehinggalah kepada maklumat peribadi dia. Naskah yang disunting oleh R.C.Temple ini kemudiannya dibetulkan sebahagian maklumatnya oleh Donald Ferguson dalam kertas semakan beliau bertajuk "*Captain Thomas Bowrey*" pada tahun 1907. Antara yang dibetulkan oleh Ferguson adalah laluan yang dilewati oleh Bowrey dalam perjalanan pulang beliau ke London serta beberapa kenyataan yang terdapat di dalam naskah suntingan Temple. Ferguson menambah bahawa Temple secara tidak sedar mengabaikan satu jilid daripada keseluruhan tiga jilid naskah yang disunting beliau iaitu "*Diary and Consultation Book of the Agent, Governor, and Council of Fort St. George for 1682-1685*" (Ferguson, D,1907). Jilid ini kemudiannya disunting oleh A.T. Pringle dan diterbitkan di madras antara tahun 1894-1895. Jilid ini menurut Ferguson penting kerana menjelaskan laluan yang diambil oleh Bowrey ketika dalam pelayaran tahun 1688 ke London. Selain daripada naskah-naskah yang disebutkan di atas, R.C. Temple turut menyunting satu lagi naskah penting Bowrey bertajuk "*The Papers of Thomas Bowrey, 1669-1713*". Naskah ini memuatkan dua bahagian iaitu Bahagian I yang membicarakan diari enam minggu kunjungan Bowrey ke Belanda dan Flanders dan Bahagian II yang memerikan kisah Mary Galley (1704-1710).

Maklumat tentang sumbangan dan kewibawaan Bowrey sebelum ini tidak begitu menarik perhatian umum. Ini berkemungkinan mempunyai kaitan dengan status beliau yang memulakan pelayaran sebagai pedagang bebas dan tidak mempunyai ikatan dengan mana-mana syarikat. Selain itu, latar Bowrey yang mempunyai hubungan yang baik dengan lanun-lanun di perairan Timur khususnya di kawasan sekitar Kepulauan Melayu melebar sehingga ke Madagaskar berkemungkinan menyebabkan rekod berkenaan segala macam pekerjaan beliau tidak tercatat dalam SHTI, dan justeru tiada rekod formal berkaitan dirinya. Namun setelah bekerja dengan Syarikat Hindia timur Inggeris, maka rekod berkaitan dirinya ditemukan. Meskipun istilah lanun sama ada di darat khususnya di Kepulauan Melayu menukulkan pelbagai pandangan dan percanggahan pendapat yang timbul disebabkan oleh perbezaan *world-view* atau *weltanschauung*, *modus-operandi* dan pelakunya (Mohamad Sham Mohammad et.al., 2023). Walau bagaimanapun, karya Bowrey ini dianggap penting; terutama kamus karangannya, kerana sehingga abad ke-19 barulah muncul kamus dwibahasa karangan James Howison iaitu pada tahun 1801. Kamus susunan Bowrey menjadi rujukan Howison untuk menyusun kamusnya. Daripada rekod yang disimpan oleh pihak syarikat ini serta setelah penelitian lewat catatan perjalanan rakan pedagang yang lain seperti William Dampier, seorang privatur, lanun dan pelaut, yang diundang Bowrey ke rumahnya ketika di Aceh untuk satu perbincangan, maka dapat disimpulkan bahawa Bowrey merupakan seorang pedagang bebas Inggeris yang tidak hanya bertanggungjawab sebagai seorang kapten kapal tetapi juga sebagai seorang warganegara. Dampier merekodkan pertemuan dan perbincangan mereka dalam catatannya yang bertajuk "*A New Voyage Round the World, 1927*" (Temple, 1903).

Penelitian tentang Bowrey dimulakan setelah hampir 200 tahun tidak diendahkan. Dokumen peninggalan Bowrey dapat dikelompokkan kepada tujuh kumpulan seperti berikut (Sue Paul, 2016):

- i. Dokument berkaitan kehidupannya di India.
- ii. Dokument berkiatan kehidupannya di England.
- iii. Kertas kerja berkaitan kapal-kapal dan kargo yang dikendalikannya.
- iv. Pelbagai skema dan kertas kerja kepada syarikat.
- v. Catatan perjalanannya ke Perancis, Flanders dan Belanda.
- vi. Kertas kerja yang berhubungkait dengan keluarga Gardiner, Searle and Bushell yang (berkemungkinan) dibuat setelah kematian Bowrey.

## 2. Bowrey sebagai "Ahli Antropologi" Abad ke-17

Walaupun wacana tentang antropologi dengan jelas dan serius dibincangkan sekitar 1860-an, tetapi usaha manusia dalam kerangka antropologi bermula lebih awal (Hannerz & Paul, 2025, Kuper, A., 2018). Usaha

Bowrey dalam mendokumentasikan bahasa dan budaya Melayu menunjukkan ciri-ciri kerja lapangan antropologi meskipun pada ketika itu Bowrey tidak . Bowrey tidak hanya menterjemah perkataan, tetapi juga berusaha untuk memahami dan merekodkan konteks budaya di mana bahasa itu digunakan. Ini sejajar dengan definisi moden antropologi yang menekankan kepentingan memahami budaya melalui bahasa dan interaksi sosial.

### 3. Perbandingan dengan Pandangan David Bowen

David Bowen, seorang ahli antropologi moden, menekankan kepentingan memahami budaya melalui pengalaman langsung dan pemerhatian terperinci. Dalam artikelnya "*The Forms Culture Takes: A State-of-the-Field Essay on the Anthropology of Southeast Asia*", Bowen menekankan pentingnya tafsiran budaya dalam konteks antropologi di Asia Tenggara (Bowen, 1995). Bowen menyatakan pendekatan interpretif terhadap budaya telah mendominasi kajian antropologi di rantau ini apabila budaya dianalisis melalui bentuk-bentuk yang boleh diakses secara awam dan tafsiran yang diberikan oleh pelbagai pelaku terhadap bentuk-bentuk tersebut. Pendekatan ini, yang berakar pada pemikiran Boas dan Weber, memberi tumpuan kepada cara masyarakat tempatan memahami dan menafsirkan amalan budaya mereka sendiri. Dalam karyanya yang lain seperti "*Muslims Through Discourse: Religion and Ritual in Gayo Society*", Bowen mengaplikasikan pendekatan interpretif ini untuk memahami amalan keagamaan dalam konteks budaya tempatan (Bowen, 2020). Pendekatan Bowen ini boleh dikaitkan dengan usaha Thomas Bowrey dalam menyusun kamusnya pada abad ke-17. Walaupun Bowrey bukan seorang antropolog berdasarkan kerangka tafsiran antropologi moden, tetapi kamusnya mencerminkan usaha awal untuk memahami dan mendokumentasikan bahasa dan budaya Melayu dalam konteksnya yang tersendiri menunjukkan ciri-ciri ahli antropologi dan pendekatan yang dilaksanakan oleh ahli antropologi dalam menangani isu-isu yang berkaitan. Bowrey dan Bowen, walaupun terpisah oleh masa, menunjukkan kepentingan memahami budaya melalui perspektif tempatan dan dalam konteks yang lebih luas. Pendekatan Bowrey dalam menyusun kamusnya, yang didasarkan kepada pengalaman peribadi selama hampir dua dekad di Kepulauan Melayu, mencerminkan prinsip ini. Bowrey bukan sekadar mengumpul perkataan, tetapi juga merekodkan cara penggunaannya dalam konteks sosial dan budaya, sesuatu yang kini dianggap sebagai aspek penting dalam kajian antropologi. Latar bahasa ibunda Bowrey iaitu bahasa Inggeris dan juga latar budaya yang ternyata berbeza merupakan cabaran yang besar kepada beliau. Zulkifli (2011) dalam artikel bertajuk "Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pemurnian dan Pemerkaasaan Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia" menjelaskan dalam proses pemerolehan bahasa kedua, pendidikan formal menjadi satu syarat yang penting kerana pembinaan biasanya berbahasa yang akan membina tabiat berbahasa dalam bahasa kedua di samping kemahiran berbahasa pertama yang telah dikuasai. Namun begitu dalam situasi Bowrey, beliau mempelajari dan menguasai bahasa Melayu tidak melalui pendidikan formal sebaliknya melalui pengalaman bererti yang diperolehinya ketika berkomunikasi dengan masyarakat tempatan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa pengaruh bahasa ibunda Bowrey iaitu bahasa Inggeris masih dapat dikesani dalam kamusnya.

### 4. "Iklim Idea" pada Abad ke-17

Usaha Bowrey perlu dilihat dalam konteks 'iklim pendapat' pada zamannya. Pada abad ke-17, terdapat minat yang semakin meningkat dalam kalangan orang Eropah untuk memahami budaya dan bahasa di luar Eropah. Kamus Bowrey bukan sahaja alat untuk memudahkan perdagangan, tetapi juga mencerminkan keinginan untuk memahami dan mendokumentasikan budaya asing. Ini menandakan permulaan pendekatan yang lebih sistematik dalam memahami budaya lain, yang akhirnya berkembang menjadi bidang antropologi.

Konsep "iklim idea" (*climate of opinion*) yang diperkenalkan oleh E.F.K. Koerner dalam *Ferdinand de Saussure: Linguistic Historiography and Ferdinand de Saussure. Origin and Development of his Linguistic Thought in the Western Studies of Language* (1973) mempunyai kaitan yang signifikan dengan usaha Thomas Bowrey dalam menyusun kamus Inggeris-Melayu pada abad ke-17. Menurut Koerner, perkembangan pemikiran linguistik dipengaruhi oleh konteks intelektual dan sosial pada zamannya. Dalam kes Bowrey, iklim idea pada abad ke-17 di Eropah dan Asia Tenggara memainkan peranan penting dalam mendorong inisiatif menyusun kamus bahasa Inggeris-bahasa Melayu yang pertama. Pada masa itu, terdapat minat yang semakin



meningkat terhadap bahasa-bahasa asing dalam kalangan pedagang dan pejajah Eropah, terutamanya dalam konteks perdagangan dan penjajahan yang berkembang pesat. Iklim idea ini mencerminkan keperluan praktikal untuk memahami dan berkomunikasi dalam bahasa tempatan, serta keinginan untuk mendokumentasikan pengetahuan mengenai budaya dan masyarakat yang baru ditemui. Usaha Bowrey dalam menyusun kamusnya boleh dilihat sebagai respons terhadap iklim idea ini. Beliau bukan sahaja memenuhi keperluan praktikal untuk perdagangan, tetapi juga menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas mengenai bahasa dan budaya Melayu. Pendekatan Bowrey, walaupun tidak disengajakan, mencerminkan arah aliran pemikiran pada zamannya yang menghargai pengetahuan empirik dan dokumentasi sistematik. Dalam konteks perbincangan keseluruhan, konsep iklim idea ini membantu kita memahami mengapa usaha Bowrey, walaupun bukan seorang ahli linguistik atau antropologi yang terlatih, namun boleh dianggap sebagai sumbangan penting dalam bidang linguistik antropologi. Ini menunjukkan bagaimana konteks sejarah dan intelektual mempengaruhi perkembangan bidang ini dan sekaligus membentuk asas bagi pendekatan yang lebih sistematik dalam kajian bahasa dan budaya pada zaman kemudian, seperti yang ditonjolkan dalam karya John Bowen.

### Kesimpulan

Thomas Bowrey, melalui usahanya dalam menyusun kamus Inggeris-Melayu pertama, boleh dianggap sebagai perintis dalam bidang 'linguistik-antropologi' di Kepulauan Melayu abad ke-17. Walaupun motivasi awalnya mungkin bersifat pragmatik untuk memudahkan perdagangan, pendekatan Bowrey dalam mendokumentasikan bahasa dan budaya Melayu mencerminkan banyak prinsip yang kini dikaitkan dengan kajian antropologi moden. Sumbangan Bowrey bukan sahaja penting dari segi linguistik, tetapi juga menyediakan pandangan berharga tentang interaksi budaya antara pedagang Barat dan masyarakat Melayu pada abad ke-17. Kajian ini menunjukkan kepentingan menilai semula sumbangan tokoh-tokoh awal seperti Bowrey dalam perkembangan pemahaman antara budaya dan disiplin antropologi.

**Penghargaan:** Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada The British Library, London atas budi baik dan pertolongan yang dihulurkan bagi membolehkan penulis mengakses manuskrip berkaitan Bowrey yang digunakan dalam penelitian ini. Penulis juga ingi mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penulis merealisasikan idea awal penulisan sehingga terzhahir menjadi sebuah karangan penuh. Penghargaan teristimewa dan terkhusus penulis untaikan buat guru penulis, mendiang Prof. Emeritus Dr. Bernd Nothofer dari Goethe University Frankfurt dan Prof. Emeritus Dr. Ulrich Kratz dari SOAS atas ilmu, panduan, teguran dan masukan yang mereka berikan.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

### Rujukan

- Bialuschewski, A. (2007): "Thomas Bowrey's Manuscript of 1708". *History in Africa*. 34, 31-42.
- Bowen, J. R. (1995). The Forms Culture Takes: A State-of-the-Field Essay on the Anthropology of Southeast Asia. *The Journal of Asian Studies*, 54(4), 1047–1078. <https://doi:10.2307/2059959>
- Bowen, J.R. (2020). *Muslims through Discourse: Religion and Ritual in Gayo Society*. Princeton University Press. <https://muse.jhu.edu/book/78655>.
- Bowrey, T. (1701). A dictionary English and Malayo, Malayo and English. Sam Bridge.
- Collins, J.T. (1996). *Malay, World Language: A Short History*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Doshi, A. (1994). The Development of the English/Malay Dictionary: A Historical Perspective. Papers from the First Asia International Lexicography Conference, Manila, Philippines, 1992. *LSP Special Monograph Issue*, 35. *Linguistic Society of the Philippines*, 69-87.
- E. F. K. Koerner. (1975). Ferdinand de Saussure. Origin and Development of his Linguistic Thought in Western Studies of Language. *Tijdschrift Voor Filosofie*, 37(4), 725-727.
- Ferguson, D. (1949). Captain Thomas bowrey. *The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, 672-675.

- Hannery, Ulf dan Paul, Robert Allen. (16 Januari 2025). Anthropology. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/science/anthropology>
- Johannessen, K.S., dan Utaker, A. (1977). REVIEWS. *Linguistics*, 15(196), 65-100. <https://doi.org/10.1515/ling.1977.15.196.65>
- Khairul Ghufuran Kaspin, Mohd Samsudin, & Azlizan Mat Enh. (2024). Pembinaan Negara-Bangsa di Malaysia: Sorotan dari segi sejarah dan cabarannya. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 481-491. <http://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.41>
- Kuper, A. (2025). Anthropology: Scope of the Discipline. Dlm *The International Encyclopedia of Anthropology*, H. Callan (Ed.), 1-19. <https://doi.org/10.1002/9781118924396.wbiea1591>
- Kirkpatrick, A. (2011). English as an Asian Lingua Franca and the Multilingual Model of ELT. *Language Teaching*, 2(44), 1-13.
- Mashudi Kader. (2009). Some Aspects of Seventeenth Century Malay via Thomas Bowrey's Bilingual Dictionary, Published in 1701. (2009). *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 16, 83-114. [https://ejournal.usm.my/kajh/article/view/kajh\\_vol16-2009\\_5](https://ejournal.usm.my/kajh/article/view/kajh_vol16-2009_5)
- Mehmet Ozay. (2011). A Brief overview of relations between Malay language and national awareness. *IPEDR*, 5, 473-477.
- Mohammad Sham Mohammad, Ismail Ali dan Mohd Firdaus Abdullah. (2023). Pelanunan dan pemburuan hamba di Tungku, Borneo Utara (1840–1879). *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(4), 330-340. <http://dx.doi.org/10.17576/ebangi.2023.2004.29>
- Nazilah Mohamad, dan Nor Hashimah Ismail. (2017). Malay Science: A Study on the 17<sup>th</sup> Century Dictionary. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1061-1071. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i6/3066>.
- Nur Nabilah Mohd Razi & Muhd Norizam Jamian. (2024). Penyelesaian konflik dalam teks sastra Sejarah Hikayat Merong Mahawangsa. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 526-535. <http://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.45>
- Nor Azizah Othman. (2010). *Perubahan aspek leksikal antara kamus Thomas Bowrey 1701 dengan Kamus Dewan Edisi Keempat*. [Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nor Azizah Othman. (2024). *Thomas Bowrey (1701) 17<sup>th</sup> Century Description of Malay* (Nombor Terbitan 515345490) [Tesis PhD, Goethe Universität Frankfurt]. PQDT Open. <https://doi.org/10.21248/gups.81874>
- Paul, S. (2016, Mei 19). The papers of Captain Thomas Bowrey. *Jeorpady of Every Wind*. <https://captainthomasbowrey.wordpress.com/2016/05/19/the-papers-of-captain-thomas-bowrey/>
- Tarmizi Hasrah. (2010). Sistem Bilangan Bahasa Melayu Pada Abad ke-17: Tinjauan Terhadap Kamus Thomas Bowrey. *Menemui Matematik (Discovering Mathematics)*, 32(1), 45-55.
- Temple, R.C. (1903). *A Geographical Account of Countries Round the Bay of Bengal 1669 to 1679*. Hakluyt Society.
- Temple, R.C. (1949). Captain Thomas bowrey. *The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*. 10, 1060-1062.
- Temple, R.C. (1927). (Review Work): The Papers of Thomas Bowrey, 1669-1713. *The Geographical Journal*, 70(3), 309.
- R.Mee. (1929). An Old Malay Dictionary. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 316-326.
- S.Sivachandralingam. (1993). Dasar Perdagangan Bebas Dan Pelabuhan Bebas Di Negeri-Negeri Selat Abad Ke-18. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 21, 96-116.
- Winterbottom A. (2016). Linguistic Landscapes: Early English Studies of Malay and the EIC in Maritime Southeast Asia. In: *Hybrid Knowledge in the Early East India Company World*. *Cambridge Imperial and Post-Colonial Studies Series*. 54-81
- Zulkifli Hamid. (2011). Peranan teori psikolinguistik dalam pemurnian dan pemeraksanaan Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(2), 183-192.